

UCAPAN PEMBUKAAN MESYUARAT R.I.D.A.
YANG PERTAMA OLEH YANG BERTAMBAH HORMAT
TIMBALAN PERDANA MENTERI, TUN ABDUL
RAZAK BIN HUSSEIN PADA 22HB MAC, 1960

Tuan Pengerusi dan tuan-tuan yang hadir sekalian,

Saya amatlah sukacita oleh sebab dapat peluang ini hadir di mesyuarat Lembaga ini yang diadakan bagi kali yang pertama semenjak Lembaga ini dimasukkan ke bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ataupun Ministry of Rural Development. Dan lagi saya suka mengambil peluang ini mengalu-alukan ahli-ahli yang baharu dilantik bagi Lembaga ini.

Seperti tuan-tuan semua ketahui Kerajaan, iaitu Kerajaan Perikatan, telah menentukan dasarnya bahawa dalam masa 5 tahun yang akan datang Kerajaan Perikatan akan memberi keutamaan yang penting sekali kepada kemajuan di luar bandar. Dan Kerajaan akan menggunakan sepenuh-penuh tenaga bagi faedah penduduk-penduduk di luar bandar. Lembaga ini adalah dikehendaki mengambil tempat yang penting bagi menjalankan dasar Kerajaan ini dan bagi mendatangkan hasil yang memberi puas hati.

Kerajaan berazam hendak menjalankan dasar ini dengan seberapa daya-upaya dan Kerajaan telah menentukan iaitu rancangan pembangunan Luar Bandar ini hendaklah disifatkan sebagai satu Darurat juga. Sebagai Darurat ini bermakna dua perkara, yang pertamanya hendaklah semua pegawai-pegawai Kerajaan baik pegawai-pegawai Federal ataupun State, wakil-wakil rakyat serta seterusnya rakyat jelata sekalian menumpukan sepenuh-penuh tenaga bagi menjalankan pekerjaan ini. Yang keduanya dalam pekerjaan ini hendaklah kita mendapat hasil dengan seberapa segera. Ini bermakna, jika suatu benda hendak dibuat bagaimana cara pun mesti dilakukan. Inilah caranya kita berjalan pada masa melawan pengganas komunis dahulu dan begitu juga saya berharap kita akan berjalan dalam rancangan membangunkan keadaan di luar bandar. Pembangunan ini akan

dijalankan menurut **kehendak** dan **kemahuan** rakyat jelata dan jikalau kita putuskan suatu perkara itu **mustahak** dijalankan maka dengan apa cara pun kita akan jayakan juga. Saya harap perkara ini akan diterangkan kepada semua pegawai-pegawai **Lembaga** ini supaya mereka semua mempunyai semangat yang baharu ini, iaitu semangat **membena** dengan seberapa daya-upaya. Hanya dengan **tiap-tiap** pegawai Kerajaan dan **pegawai** Lembaga ini mempunyai semangat yang semacam itu dapat kita laksanakan rancangan-rancangan bangunan **luar** bandar ini dengan sempurna-nya.

Kerajaan telah menentukan bahawa pekerjaan pembangunan luar bandar ini hendaklah dijalankan dengan mengguna cara pentadbiran sama juga dengan cara pentadbiran yang dibuat bagi menghapuskan pengganas kominis, iaitu diadakan Jawatankuasa di peringkat nasional, di peringkat negeri dan juga di peringkat Kerajaan, dan saya suka menerangkan bahawa **Jawatankuasa**. Jawatankuasa telahpun ditubuh di serata-rata peringkat itu. Perkaranya Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri sedang mengambil langkah bagi mengatur kedudukan Jawatankuasa-jawatankuasa itu dan juga Pejabat-pejabat Kerajaan yang berkaitan dengan pekerjaan pembangunan luar bandar. Hendaklah kita menyemak jentera-jentera pertadbiran supaya dapat pekerjaan kita dijalankan dengan sempurna. Begitu juga saya berharap pada Lembaga ini bagi menyemak jenteranya supaya **tiap-tiap** pegawai **dalam** Lembaga ini faham dan mengetahui dengan sebenarnya tugas dan **tanggungjawab** masing-masing. **Mustahaklah** semua pegawai bagi semua peringkat mengadakan kerjasama yang kuat dan **menjalankan** tujuan-tujuan dan rancangan kita ini dengan satu fahaman dan satu hati.

Pegawai-pegawai Lembaga ini adalah dikehendaki mengambil bahagian yang penting di dalam rancangan pembangunan luar bandar dan di peringkat Negeri saya telah mengambil langkah bukan **sahaja meninggikan** darjah setengah-setengah bahagian pegawai negeri itu bahkan telah **memilih** pegawai-pegawai yang sebenar-benarnya bersemangat dan berpengalaman bagi menjalankan pekerjaan sebagai State Development Officer dalam Negeri, disebabkan pegawai-pegawai itu dikehendakkan menjalankan pekerjaan dengan sepenuh-penuh semangat dan tenaga. Pegawai kemajuan Negeri adalah dikehendaki mempunyai dua tanggung-

jawab. Satu sebagai pegawai yang bertanggungjawab terus kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan sebagai Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dalam Negeri. Dan lagi ia bertanggungjawab juga kepada Lembaga ini bagi menjalankan pekerjaan-pekerjaan Lembaga ini, oleh itu kita berkehendakkan orang yang benar-benar mempunyai pengalaman dan kelayakan bagi menjalankan pekerjaan yang berat ini.

Baharu-baharu ini saya telah mengeluarkan satu perintah atau Directive kepada Lembaga ini bagi menentukan dasar perjalanan Lembaga ini dan yang kedua tiap-tiap orang ahli ada mempunyai satu salinan perintah ini. Asas dan dasar perintah yang diberi kepada Lembaga ini ialah dikehendaki Lembaga ini menumpukan tenaganya dengan sepenuh-penuhnya kepada pekerjaan bagi memajukan keadaan ikhtisad di kampung-kampung dengan mengutamakan rancangan bagi mengadakan perusahaan-perusahaan kecil, rancangan pinjaman wang dan juga rancangan bagi menolong orang-orang kampung menjual barang-barangnya atau "marketing". Saya tidak hendak menerangkan satu persatu perkara-perkara yang terkandung dalam perintah itu akan tetapi saya suka menegaskan di sini bahawa **mustahaklah** Lembaga ini menumpukan tenaganya yang lebih lagi dan mendatangkan hasil yang lebih berkesan dalam pekerjaan bagi memajukan keadaan penduduk-penduduk di kampung-kampung daripada masa yang telah lalu. Saya katakan Kerajaan sekarang berkehendakkan hasil yang tegas dan nyata dengan seberapa segera yang boleh. Kampung-kampung di seluruh Tanah Melayu ini mempunyai hasil-hasil yang banyak, maka menjadi tanggungjawab Lembaga ini bagi **menggalakkan** segala **perusahaan** di kampung-kampung, dan diperbaiki, diperbesar dan dilekaskan lagi. **Hendaklah** Lembaga ini **memberi pertolongan** kepada penduduk-penduduk di kampung-kampung supaya dapat mereka itu mengeluarkan barang-barang **makanan** dan **hasil-hasil** yang lain yang lebih banyak lagi, supaya tiap-tiap orang penduduk di kampung-kampung itu dapat mempunyai mata pencarian yang tegap dan sempurna. Dengan ini dapatlah tiap-tiap orang di kampung-kampung itu mempunyai satu taraf hidup yang **baharu** yang lebih tinggi daripada yang ada sekarang ini dan dapatlah ia menerima sepenuh-penuh balasan daripada pekerjaan dan titik **peluhnya** sendiri.

Saya suka menegaskan di sini bahawa pekerjaan memperbaiki keadaan di kampung-kampung itu adalah satu pekerjaan yang besar dan luas yang tidak dapat dilaksanakan dengan serta-merta. Oleh itu mustahaklah kita mengatur perjalanan kita, iaitu hendaklah kita mulakan satu persatu supaya kita mendapat hasil dengan seberapa segera. Mustahaklah kita sempurnakan satu dua perkara yang kita telah buat itu sebelum kita bermula membuat perkara yang lain. (In other words we must always endeavour to consolidate our resources at any given project or another rather than attempt too many new ventures at one time. We must be realistic and consistent. We want results, results which are visible). Kita berkehendakkan hasil, hasil yang boleh dinampak dengan seberapa segera. Jadi kita hanya boleh mendapat hasil itu dengan menumpukan sepenuh-penuh tenaga kita kepada perkara-perkara yang kita buat itu. Saya harap tuan Pengerusi dan tuan-tuan sekalian akan memberi kerjasama yang penuh pada Kerajaan bagi melaksanakan tugas kebangsaan kita yang sangat besar dan mustahak ini. Dan saya harap persidangan tuan-tuan pada hari ini akan mendatangkan hasil yang memberi puas hati dan Lembaga ini maju ke hadapan bagi melaksanakan cita-cita Kerajaan kita yang mulia itu.